

14 NOV 1998

APEC-BERITA-CYBERVIEW LODGE/I

DR MAHATHIR: MENGAPA CYBERVIEW LODGE DIPILIH TEMPAT ISTIRAHAT APEC

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Suasana sunyi di Cyberview Lodge, di tengah-tengah "hamparan" ladang kelapa sawit, adalah satu daripada sebab ia dipilih sebagai tempat istirahat sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) tahun ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Di samping mempamerkan kemajuan Koridor Raya Multimedia (MSC), iaitu zon pembangunan teknologi tinggi negara yang terletak di kawasan berkenaan, pemilihan Cyberview Lodge juga dibuat kerana suasana seakan-akan estetya, kata beliau semasa ditemu bual oleh Bernama TV.

"Suasana itu amat sesuai untuk istirahat kerana ia jauh dari hiruk pikuk bandar raya, lalu lintas dan kesemuanya itu. Ia sunyi, tipikal sebuah estet Malaysia.

"Saya berpendapat adalah baik bagi mereka melihat aspek lain Malaysia," kata Mahathir.

Perdana Menteri pengerusi sidang kemuncak Apec tahun ini berkata apabila pelancong datang ke Malaysia, mereka biasanya melawat Kuala Lumpur.

"Mereka melalui estet getah, estet kelapa sawit tetapi mereka tidak pernah berhenti untuk menikmati suasana estet, sekarang mereka akan tinggal hampir sehari dalam ladang kelapa sawit.

Cyberview Lodge terletak dalam Cyberjaya, kira-kira 45 minit perjalanan melalui jalan raya dari Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

SHY SJ RI